

**JAWATAN : PEGAWAI SAINS GRED C41**

**Kumpulan** : **Pengurusan dan Profesional**  
**Jadual Gaji** : **RM2,317.00 – RM9,620.00**  
**Taraf Jawatan** : **Tetap**

**SYARAT LANTIKAN**

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) Warganegara Malaysia
  - b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji Permulaan pada Gred C41: RM2,317.00)
  - d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)**

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
  - b) Had umur pelantikan:
    - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

**RINGKASAN TUGAS**

- Menguruskan dan memastikan Ujian Kawalan Mutu (QC) radas penyinaran yang berdaftar dalam lesen KKM dijalankan secara berkala setiap tahun dan keputusan ujian yang dilaksanakan menepati piawaian (standard) yang ditetapkan oleh KKM.
- Menguruskan dan memastikan setiap pekerja sinaran yang berdaftar menjalani pemeriksaan kesihatan secara serta menyerahkan salinan APC dan CME setiap tahun untuk tujuan rekod.
- Menguruskan dan memastikan ujian kalibrasi peralatan Fizik seperti meter tinjau dan dosimeter poket dijalankan oleh pihak ketiga

- Bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan Program Perlindungan Sinaran di peringkat HSAAS.
- Memberikan khidmat nasihat kepada jabatan/unit dalam aspek perlindungan sinaran semasa bekerja.
- Memberikan khidmat kepakaran dalam hal ehwal pelupusan radas penyinaran dan bahan radioaktif mengikut prosedur dan kaedah yang betul serta pengawasan bahan sisa radioaktif diselia di jabatan/unit yang terlibat.
- Bertindak sebagai koordinator krisis (KK) jika berlaku krisis dan bencana di HSAAS seperti kemalangan radiologikal di tempat kerja, tumpahan sisa radioaktif dan sebagainya.
- Memastikan adanya komunikasi dan jaringan kerjasama antara semua jabatan/unit yang memerlukan khidmat nasihat dan panduan daripada Pegawai Sains (Fizik) dalam memberikan perkhidmatan kepakaran dan perundingan.
- Terlibat sebagai ahli jawatankuasa dalam penilaian teknikal dan spesifikasi dalam pembelian radas penyinaran dan bahan radioaktif.